

'Hanya rakyat boleh tukar Perdana Menteri'

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata hanya rakyat boleh menukar seorang Perdana Menteri.

“Dahulu kita ingat pada suatu masa dahulu, ada TMJ (Tunku Mahkota Johor) yang telah ditukar, dahululah, bagi kepada adik TMJ itu.

“Jadi, TMJ boleh ditukar, Perdana Menteri cuma rakyat sahaja yang boleh tukar,” katanya pada sidang media bersama wartawan

Malaysia selepas mengakhiri lawatan kerja lima hari di China bagi menghadiri Forum Kerjasama Antarabangsa Jalur dan Laluan (BRF) di sini, semalam.

Jawab kenyataan Tunku Ismail

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita berhubung kenyataan Tunku Ismail Sultan Ibrahim dalam rakaman klip video yang tular di media

Jadi, TMJ boleh ditukar, Perdana Menteri cuma rakyat sahaja yang boleh tukar"

***Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri***

sosial baru-baru ini yang didakwa berkata lebih baik menukar Perdana Menteri daripada menukar jurulatih Johor Darul Ta'zim (JDT), Benjamin Mora.

Pemimpin berusia 94 tahun itu juga berkata: “Kalau dia boleh undi, undilah bagi saya jatuh," lapor *BERNAMA*

Dr Mahathir dipercayai merujuk peristiwa membabitkan Allahyarham Sultan Mahmud pada

1961, yang ketika itu adalah Tunku Mahkota Johor yang ditarik statusnya dan digantikan oleh adiknya.

Ayahandanya, Sultan Ismail bagaimanapun mengembalikan semula status Tunku Mahkota Johor kepadanya pada 1981 sejeurus sebelum meninggal dunia dan seterusnya membolehkan Sultan Mahmud menjadi pengganti Sultan Johor.